



LAWATAN PRESIDEN DAN NAIB CANSOLOR KE PERPUSTAKAAN UNISEL



BICARA PUSTAKAWAN

**PENYIMPANAN WARISAN BUDAYA: PERANAN
PERPUSTAKAAN DALAM ARKIB DIGITAL**

**PROGRAM BACAAN ISTIMEWA UNTUK KEPERLUAN
KHAS: SEMINAR DAN PAMERAN BERGERAK**

PEMBUKA BICARA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

**PENASIHAT**

Hafiz Abdul Rahim

EDITOR

Zairil Azwan Osman

PEREKA GRAFIK

Nor Suhaiza Zainol

**PENULIS &
JURUFOTO**

Pustakawan
Perpustakaan
UNISEL

PENGEDARAN

Unit LSDM

Pada keluaran keempat pada tahun 2024 (Julai 2024), Perpustakaan UNISEL telah menerima lawatan dari Presiden & Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman. Antara lokasi lawatan adalah ruang belajar di hadapan laluan masuk Perpustakaan. Susulan pada itu beliau juga menyantuni pelajar-pelajar program PAKK yang sedang membuat pembentangan projek akhir di Sudut Kanak-Kanak.

Selain itu, beberapa staf Perpustakaan UNISEL telah menyertai Program Buku Bacaan Istimewa Untuk Keperluan Khas: Seminar dan Pameran Bergerak berlangsung di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam. Dua sesi telah berlangsung iaitu sesi pertama bertajuk Penerbitan untuk kanak-kanak istimewa dan sesi kedua bertajuk kandungan dan persembahan istimewa judul terpilih.

Bersempena bulan Muharram 1446 Hijrah, Perpustakaan UNISEL mengucapkan semoga tahun baru ini dapat menyinari hidup kita dengan memperbaiki diri, meningkatkan lagi keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Jadikan tahun baru ini lebih baik dari tahun lalu. Salam Maal Hijrah 1446, Selamat Tahun Baru Islam.

Salam hormat,

ZAIRIL AZWAN OSMAN

Editor
zairil@unisel.edu.my

Buletin Perpustakaan UNISEL ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

Editor Buletin Perpustakaan UNISEL
Perpustakaan UNISEL,
Kampus Shah Alam,
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,
40000 Shah Alam, Selangor Darul
Ehsan.

Tel: 03-55223411/Ext: 2903

Emel: zairil@unisel.edu.my

ISI KANDUNGAN

Lawatan Presiden dan Naib Canselor ke Perpustakaan UNISEL	1
Program Buku Bacaan Istimewa Untuk Keperluan Khas: Seminar dan Pameran Bergerak	2
BICARA PUSTAKAWAN : Penyimpanan Warisan Budaya: Peranan Perpustakaan Dalam Arkib Digital	3
Program Literasi Maklumat	5
Aktiviti Perpustakaan UNISEL	6
Album Pelawat dan Lawatan	9
Ulasan Buku	11
E-Resources	12

LAWATAN PRESIDEN DAN NAIB CANSELOR KE PERPUSTAKAAN UNISEL



Bestari Jaya, 15 Julai 2024 | Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman, Presiden & Naib Canselor hari ini mengadakan lawatan ke Perpustakaan Kampus Bestari Jaya. Lokasi tumpuan lawatan adalah ruang belajar di hadapan laluan masuk Perpustakaan. Susulan pada itu beliau juga menyantuni pelajar-pelajar program PAKK yang sedang membuat pembentangan projek akhir di Sudut Kanak-Kanak. Lokasi seterusnya adalah Dato' Naib Canselor meninjau dan melihat perkembangan kemajuan projek Galeri Siddiq Fadzil di Perpustakaan Peringatan Siddiq Fadzil. Turut bersama-sama dalam lawatan ini Prof. Dr. Md Sidin Ahmad Ishak, Timbalan Naib Canselor Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri dan Prof. Madya Dr. Hamdan Dato' Mohd. Salleh serta pengurusan yang lain.



PROGRAM BUKU BACAAN ISTIMEWA UNTUK KEPERLUAN KHAS: SEMINAR DAN PAMERAN BERGERAK



Program Pra-Pesta Buku Kanak-kanak Selangor 2024
BUKU BACAAN ISTIMEWA UNTUK KEPERLUAN KHAS:
SEMINAR DAN PAMERAN BERGERAK
 20 Julai 2024 (Sabtu) | Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam, Selangor | 11:00 Pagi - 3.30 Petang

Dirasmikan oleh

Sesi 1: Penerbitan untuk Kanak-kanak Istimewa

Sesi 2: Kandungan dan Persembahan Istimewa Judul Terpilih

 YBHC. DATIN PADUKA MASTURA HJ MUHAMAD, D.S.I.S. Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)	<p>Moderator</p> NORAZLY NORDIN AJK Eksekutif MBBY Pengerusi, Universiti Pengurusan & Teknologi Tunka Abdul Rahman (TARUMT) Cawangan Sabah	<p>Panel 1</p> DATO' AHMAD REDZA AHMAD KHAIRUDDIN Presiden, Majlis Buku Kanak-kanak & Remaja Malaysia (MBBY)	<p>Panel 2</p> PROF. DR. MD SIDIN AHMAD ISHAK Naib Presiden, Majlis Buku Kanak-kanak & Remaja Malaysia (MBBY) Timbalan Canselor (Akademik, Penyelidikan & Hartanah Industri) Universiti Selangor (unisel)	<p>Moderator</p> NUR FARHANA ABD WAHID AJK Eksekutif MBBY Pengerusi Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)	<p>Panel 1</p> TS. DR. LATIFAH ABDUL LATIF AJK Eksekutif MBBY Editor Kanan Bahagian Buku Umum Dewan Bahasa dan Pustaka (Penyelidikan & Pascasarjana) Fakulti Kejuruteraan Seni Visual & Pengkomputeran Universiti Selangor (unisel)	<p>Panel 2</p> FILZAH IBRAHIM AJK Eksekutif MBBY Editor Kanan Bahagian Buku Umum Dewan Bahasa dan Pustaka	<p>Panel 3</p> NA-THINAMALAR MAGISWARY NADARAJAN Timbalan (Akademik) Fakulti Pendidikan & Sains Sosial Universiti Selangor (unisel)
---	---	---	--	--	--	--	---

www.ppas.gov.my/scbf
 @selangorlibrary
 603 5519 7667



Shah Alam, 20 Julai 2024 | Program Buku Bacaan Istimewa Untuk Keperluan Khas: Seminar dan Pameran Bergerak berlangsung di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam. Dua sesi telah berlangsung iaitu sesi pertama bertajuk Penerbitan untuk kanak-kanak istimewa dan sesi kedua bertajuk kandungan dan persembahan istimewa judul terpilih. Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Datin Paduka Hajah Mastura Mohamad. Lima orang staf Perpustakaan Unisel terlibat menyertai seminar ini.



Dalam era perkembangan digital yang pesat, ia telah menjadi semakin penting untuk mengekalkan warisan budaya. Ini termasuk tradisi, peninggalan, monumen dan sastera yang merupakan sebahagian daripada sejarah suatu masyarakat. Secara umumnya perpustakaan dikenali sebagai pemelihara pengetahuan tetapi kini perpustakaan mempunyai misi untuk memelihara warisan budaya melalui arkib digital. Di dalam artikel ini kita akan mengkaji peranan perpustakaan sambil mengekalkan warisan budaya, cabaran yang dihadapi mereka dan kepentingan arkib digital dalam menyelamatkan sejarah untuk rujukan generasi seterusnya.

Setelah sekian lama, perpustakaan dilihat sebagai penjaga maklumat dan bukan sahaja itu

tetapi perpustakaan juga yang memastikan sumber-sumber berharga disimpan dan boleh diakses. Dalam era digital ini, peranan ini telah diperluaskan untuk pemeliharaan warisan budaya melalui penggunaan arkib digital. Arkib digital merujuk kepada membuat salinan digital artifak budaya, dokumen atau apa-apa jenis bahan lain dan menyimpannya untuk rujukan masa depan. Proses ini bukan sahaja menghalang bahan-bahan ini daripada rosak tetapi juga menawarkan akses kepada masyarakat di seluruh dunia.

Dalam hal ini, perpustakaan memainkan peranan penting iaitu dengan membantu dalam memilih bahan yang perlu didigitalkan supaya dapat menghasilkan bahan dalam bentuk digital yang berkualiti oleh itu

pemilihan bahan perlu melalui penilaian dan tapisan yang ketat. Ini memerlukan pengetahuan yang mendalam mengenai relevansi sejarah barang-barang tersebut dan aspek teknikal yang berkaitan dengan pemeliharaan digital itu sendiri.

Perpustakaan menghadapi beberapa cabaran dalam mewujudkan arkib digital. Salah satu masalah utama ialah memilih bahan yang akan didigitalkan. Oleh kerana perpustakaan menghadapi sumber dan teknologi yang terhad, tidak semua bahan boleh dibuat dalam bentuk digital. Selain itu, pihak perpustakaan perlu membuat pilihan yang sukar mengenai item mana yang perlu diberi keutamaan dengan mempertimbangkan faktor-faktor seperti nilai budaya, praktikaliti (keadaan item), dan kos untuk pendigitalan.



Selain itu, teknologi itu sendiri merupakan antara cabaran utama. Arkib digital boleh kelihatan lama kerana format digital itu sendiri boleh menjadi lama. Perpustakaan


perlu memastikan sudah mempunyai teknologi baru dan memastikan bahawa arkib digital dikekalkan dan diperbaharui supaya tidak kehilangan data. Selain itu, arkib digital memerlukan protokol keselamatan yang



kukuh untuk mengelakkan pelanggaran data, akses tidak dibenarkan, dan kelemahan lain. Tindakan keselamatan ini mesti diletakkan oleh perpustakaan adalah untuk memastikan bahawa arkib digital kekal utuh dan boleh diakses di mana-mana.

Ia adalah penting untuk dicatat bahawa arkib digital tidak boleh dilihat sebagai hanya menyimpan sejarah tetapi juga perlu dilihat sebagai cara untuk menyediakan warisan budaya untuk generasi yang akan datang. Perpustakaan boleh memperluaskan aksesibiliti bahan-bahan ini termasuk mereka yang tidak dapat melawat arkib fizikal, masyarakat boleh mengakses bahan-bahan berkaitan warisan budaya melalui arkib digital. Dengan adanya kedua-dua jenis arkib ini, maklumat berkaitan warisan budaya dapat dikekalkan dan disebar ke seluruh dunia.

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



09 Julai 2024 | Perpustakaan UNISEL telah dijemput sebagai pengajar untuk modul Kursus Kaedah Penyelidikan (RMC). Seramai 18 orang pelajar lepasan ijazah (postgraduate) telah menyertai kursus ini. Kursus ini telah dijalankan secara atas talian menggunakan aplikasi Microsoft Teams.



12 Julai 2024 | Program Literasi Maklumat, Citation Help: APA Citation Style 7th ed. di LR2, Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya. Dihadiri oleh 22 orang pelajar dari dari Kursus ECS3343 - Pengurusan Pusat Sumber, telah ditawarkan untuk Program ISM Pendidikan Awal Kanak-Kanak (kursus elektif) dengan kerjasama pensyarah Puan Fadliah binti Darini.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



02 Julai 2024 | Ketua Perpustakaan, En. Hafiz bin Abdul Rahim menyampaikan cenderahati kepada ahli panel program Karnival FCVAC yang berlangsung di Perpustakaan Unisel Kampus Bestari Jaya.



11 Julai 2024 | Sesi penyerahan fail kerja Unit Penerbitan kepada Perpustakaan. En Amzar Azman, mantan Editor Penerbitan telah membuat serahan fail kepada En Hafiz Abdul Rahim, Ketua Perpustakaan. Turut serta dalam sesi ini adalah En Zairil Azwan Osman, Pustakawan yang menguruskan pemasaran dan jualan buku-buku terbitan Unisel Press. Selamat maju jaya diucapkan kepada Sdr Amzar Azman.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



12 Julai 2024 | Program pembentangan projek akhir oleh pelajar-pelajar kursus Community Info. and Children Library Services bertempat di Sudut Kanak-kanak, Perpustakaan Kampus Bestari Jaya. Pustakawan Kanan, En Azman Ibrahim turut dijemput hadir sebagai juri jempunan.

23 Julai 2024 | Penghantaran buku terbitan UNISEL Press kepada penyelidik dari Fakulti Perniagaan & Perakaunan. Buku-buku ini telah diterima oleh Puan Norliana Ahmad Shah selaku ketua penyelidik.



AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



28 Julai 2024 | Kemudahan terbaharu Perpustakaan di Kampus Bestari Jaya iaitu mesin dispenser air yang terletak di Tingkat Bawah bagi memudahkan pengguna-pengguna untuk mendapatkan air minuman bertapis (water filter) sejuk, panas serta beralkali. Terima kasih kepada pihak pengurusan UNISEL terutamanya Presiden dan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman kerana menyediakan kemudahan ini bagi manfaat bersama.

ALBUM PELAWAT DAN LAWATAN



03 Julai 2024 | Lawatan Penilaian Akreditasi oleh Panel Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) atau Engineering Accreditation Council (EAC). Bagi program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian.



03 Julai 2024 | Audit dalaman Educational Organizations Management Systems (EOMS) telah dijalankan di Perpustakaan UNISEL. Perpustakaan diaudit oleh Juru Audit Kumpulan 2. Terima kasih kepada para auditor yang telah melaksanakan audit dengan baik dan juga semua staf Perpustakaan yang telah memberi kerjasama yang sangat baik dalam menjayakan audit ini. Semoga cadangan penambahbaikan akan meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan di Perpustakaan UNISEL.




ALBUM PELAWAT DAN LAWATAN



12 Julai 2024 | Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya menerima kunjungan delegasi dari Queen College KL yang terdiri daripada 3 orang pensyarah dan 25 orang pelajar. Delegasi dibawa melawat kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan di Perpustakaan.


ULASAN BUKU

Judul: Mukmin Sukses: Pemantapan Jati Diri
Penulis: Ahmad Hasan Mohd Nazam & Mohd Ridzuan Rizal Ab. Rahman
ISBN: 9789675370106
No. Panggilan: BP80.A52 .N33 2010
Lokasi: Tingkat 1, Perpustakaan Unisel Kampus Bestari Jaya & Kampus Shah Alam
Tahun Terbitan: 2010
Edisi: -



Dunia hari ini kian mencabar kekuatan dari segi fizikal dan mental. Sebagai seorang mukmin sejati seharusnya lebih kental menghadapi rintangan dalam mencapai kejayaan sama ada di dunia mahupun di akhirat yang abadi. Rahsia seorang mukmin yang ingin membina jati diri dalam mencapai kejayaan yang tinggi telah didedahkan dalam buku Mukmin Sukses: Pemantapan Jati Diri karya Ahmad Hasan Mohd Nazam dan Mohd Ridzuan Rizal Ab. Rahman. Buku yang mengandungi 257 muka surat ini membincangkan pelbagai tips dan panduan dalam membina jati diri untuk mencapai kejayaan yang cemerlang bagi setiap mukmin.

(Ulasan dari buku "Mukmin Sukses: Pemantapan Jati Diri")



Title: Ibn Khaldun's Philosophy of History: A Study in The Philosophic Foundation of The Science of Culture
Author: Muhsin Mahdi
ISBN: 9789839541526
Call No: D116.7.I3 .M75 2006
Location: 1st Floor, Unisel library, Bestari Jaya Campus
Year of Publication: 2006
Edition: -

14th-century Arab historian Ibn Khaldun founded a special science to deal with the problem of history and culture based on the philosophies of Plato, Aristotle and their Muslim followers. This work examines the philosophic foundation and principles of Ibn Khaldun's new science of culture, to show that an adequate understanding of his contribution to the study of the various aspects of human society requires an understanding of his all-comprehensive approach to sociology.

(Sources from website "<https://www.abebooks.com/9789839541526/Ibn-Khalduns-Philosophy-History-study-9839541528/plp>")

E-RESOURCES

emerald insight
Business, Management & Strategy eJournals 2024

We have access

[Click here](#) to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- Management for performance
- Innovation and entrepreneurial strategies
- Cultural studies/globalisation
- Organizational behaviour
- Business ethics and law
- Strategic orientation
- Conflict management
- Business leadership
- Emerging markets
- Family business

ACCESS HERE : [HTTPS://LOGIN.EZPROXY.UNISEL.EDU.MY/LOGIN](https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login)

CONTACT US AT:

Bestari Jaya Nur Adna Roduan 03 - 3280 5122 nur_adna@unisel.edu.my	Shah Alam Zairil Azwan Osman 03 - 5522 3411/ Ext: 2903 zairil@unisel.edu.my
--	---

unisel library  **emerald PUBLISHING**

emerald insight
Operations, Logistics & Quality eJournals 2024

We have access

[Click here](#) to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- Green supply chain
- Service management
- Industry 4.0
- Big data applications
- Supply chain management
- Lean six sigma
- Offshoring
- Production management
- Quality control
- Processes

ACCESS HERE : [HTTPS://LOGIN.EZPROXY.UNISEL.EDU.MY/LOGIN](https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login)

CONTACT US AT:

Bestari Jaya Nur Adna Roduan 03 - 3280 5122 nur_adna@unisel.edu.my	Shah Alam Zairil Azwan Osman 03 - 5522 3411/ Ext: 2903 zairil@unisel.edu.my
--	---

unisel library  **emerald PUBLISHING**

emerald insight
HR, Learning & Organization Studies eJournals 2024

We have access

[Click here](#) to find out more about the journal titles


Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- The future of trade unions
- Performance management
- Work/life balance
- Work engagement
- Remote working
- Cross cultural employment
- Workplace diversity
- Workplace bullying
- Learning & development
- The impact of Brexit on the labour force

ACCESS HERE : [HTTPS://LOGIN.EZPROXY.UNISEL.EDU.MY/LOGIN](https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login)

CONTACT US AT:

Bestari Jaya Nur Adna Roduan 03 - 3280 5122 nur_adna@unisel.edu.my	Shah Alam Zairil Azwan Osman 03 - 5522 3411/ Ext: 2903 zairil@unisel.edu.my
--	---

unisel library  **emerald PUBLISHING**

emerald insight
ICE Publishing Journals 2024

WE HAVE ACCESS

[Click here](#) to find out more about the journal titles

Discover 5 ICE Publishing Journals below :

 Construction Materials Click here	 Civil Engineering Click here	 Waste and Resource Management Click here	 Engineering Sustainability Click here	 Environmental Engineering & Science Click here
---	--	--	---	--

ACCESS HERE : <https://login.ezproxy.unisel.edu.my/menu>

CONTACT US AT:

Bestari Jaya Nur Adna Roduan 03 - 3280 5122 nur_adna@unisel.edu.my	Shah Alam Zairil Azwan Osman 03 - 5522 3411/ Ext: 2903 zairil@unisel.edu.my
--	---

unisel library  **emerald PUBLISHING**

Emerald Publishing Limited

Academic OneFile

emerald insight
Education eJournals 2024

We have access

[Click here](#) to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- Educational administration and leadership
- Vocational education and training
- Curriculum development and assessment
- Sustainability in higher education
- Global and comparative education
- Technology in education
- Health education
- Work-based learning
- Higher education
- Distance learning

ACCESS HERE : [HTTPS://LOGIN.EZPROXY.UNISEL.EDU.MY/LOGIN](https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login)

CONTACT US AT:

Bestari Jaya Nur Adna Roduan 03 - 3280 5122 nur_adna@unisel.edu.my	Shah Alam Zairil Azwan Osman 03 - 5522 3411/ Ext: 2903 zairil@unisel.edu.my
--	---

unisel library  **emerald PUBLISHING**

GALE **unisel**
GALE ACADEMIC ONEFILE
STREAMLINE RESEARCH AND DISCOVER SCHOLARLY SOURCES



SCHOLARLY SOURCES
Search thousands of scholarly and peer-reviewed journals— the backbone of academic research.

BROWSE BY DISCIPLINE
Click for easy access to articles aligned to major topics of study. Select a discipline to browse relevant topics and articles.

CURRENT RESULTS
Access recent information to keep through academic research on almost any subject. Periodicals are updated several times a day.

FB PAGE - UNISEL LIBRARY
<https://www.facebook.com/UNISEL-LIBRARY-106162892748554/>

INSTAGRAM - UNISEL LIBRARY
<https://www.instagram.com/unisel.library?hl=en>

unisel library
Contact us
Need any help, please come to the library, send us an email or call us.
Bestari Jaya Campus
Nur Adna Binli Roduan nur_adna@unisel.edu.my 03-32805122
Shah Alam Campus
Zairil Azwan B. Osman zairil@unisel.edu.my 03-55223411 Ext. 2903
[LINK EZPROXY \(Access off-campus\)](https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login)
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>


 UNIVERSITI SELANGOR


Salam

Maal Hijrah 1446H

1 MUHARAM 1446H
BERSAMAAN 7 JULAI 2024 (AHAD)







-UNISEL LIBRARY-

<http://library.unisel.edu.my>

NEED HELP?



CONNECT WITH US

<http://library.unisel.edu.my>
sirkulasi@unisel.edu.my
 Chat with a Librarian

If you have a question or need help with your research or assignment or want to keep up to date with latest news & updates

03-55223411 / EXT: 2902 CUSTOMER SERVICE SHAH ALAM CAMPUS		03-55223411 / EXT: 2903 REFERENCE SERVICE SHAH ALAM CAMPUS
03-32805120/5122 BESTARI JAYA CAMPUS		







-UNISEL LIBRARY-

<http://library.unisel.edu.my>